



JABATAN PERDANA MENTERI

# MITRA

UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA

**UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA  
JABATAN PERDANA MENTERI**

Aras 4, Setia Perkasa 5, Kompleks Setia Perkasa  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia  
No. Tel: 03-8886 6221  
E-mel: infomitra.jpm.gov.my

---

**JPM.MITRA.100-9/1/1 (8)**

**KENYATAAN MEDIA  
PENGUMUMAN STATUS PROGRAM-PROGRAM  
UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA (MITRA)  
JABATAN PERDANA MENTERI  
TAHUN 2023**

**PUTRAJAYA, 1 SEPTEMBER 2023** – Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA), Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah mengumumkan perancangan program-program MITRA dalam beberapa sidang media pada bulan Mei/Jun 2023. Berikut merupakan maklumat susulan untuk program-program tersebut:

- i. SUBSIDI BANTUAN PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA BAGI PELAJAR INDIA B40 DI UNIVERSITI AWAM DAN SWASTA**
  - a. Program yang melibatkan dana sebanyak RM20 juta.
  - b. Sehingga 31 Ogos 2023, MITRA telah menerima permohonan sebanyak 8,583 permohonan.
  - c. Seramai 3193 nama pelajar telah diserahkan kepada BSN untuk penyaluran bantuan subsidi bernilai RM6,386 juta. Dari jumlah tersebut seramai 2,492 pelajar melibatkan dana sebanyak RM4,984,000.00 telah dikreditkan dalam akaun BSN pelajar. Baki 701 pelajar dijangka akan menerima subsidi tersebut secepat mungkin selepas isu teknikal akaun diselesaikan.
  - d. Akaun pelajar yang telah dikreditkan subsidi RM2,000.00 akan menerima SMS dari BSN untuk maklumat. Dipohon jasa baik pelajar untuk tidak *forward* SMS tersebut kepada rakan lain kerana hanya akaun yang telah dikreditkan sahaja akan menerima SMS tersebut.

- e. Untuk baki selebihnya, MITRA dalam proses semakan dengan pihak Universiti untuk pengesahan pendaftaran semester sebelum subsidi dikreditkan ke akaun pelajar. Masih terdapat ruang untuk pelajar yang belum memohon untuk berbuat sedemikian sebelum 15 September 2023.

**ii. PROGRAM SUBSIDI PENDIDIKAN AWAL TADIKA SWASTA YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

- a. Program yang melibatkan dana sebanyak RM10.8 juta.
- b. Sehingga 31 Ogos 2023, MITRA telah menandatangani sebanyak 107 dokumen perjanjian yang memanfaatkan seramai 2,993 kanak-kanak yang berjumlah RM7,183,200.00.
- c. MITRA juga dalam proses bayaran untuk 38 Tadika melibatkan 923 kanak-kanak bernilai RM2,215,200.00.
- d. Keseluruhannya 145 tadika melibatkan seramai 3,916 kanak-kanak adalah penerima manfaat secara langsung bantuan subsidi pendidikan awal kanak-kanak.

**iii. PROGRAM BANTUAN SUBSIDI DIALISIS MITRA**

- a. Program yang melibatkan dana sebanyak RM8,640 juta.
- b. MITRA telah menerima permohonan dari 135 pusat dialisis yang terdiri dari 749 pesakit dan 813 permohonan individu sehingga tarikh tutup permohonan pada 30 Ogos 2023.
- c. Sehingga hari ini, sebanyak 19 pusat telah diberi kelulusan melibatkan 140 pesakit melibatkan bayaran RM1,081,680.00.
- d. Proses semakan dan penilaian secara terperinci dilaksanakan untuk mengelakkan bayaran berulang dan baki bantuan dijangka akan disalurkan pada bulan September 2023 secara berperingkat.

**iv. PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI BERSASAR DENGAN KERJASAMA 72 PUSAT KHIDMAT RAKYAT AHLI PARLIMEN**

- a. Program yang melibatkan dana sebanyak RM7.2 juta.
- b. Sehingga 31 Ogos 2023, sebanyak 36 Parlimen bernilai RM3.590 juta telah disalurkan kepada Pusat Khidmat Rakyat Ahli Parlimen. Sebelas (11) permohonan bernilai RM1.1 juta dalam proses bayaran dan dijangka selesai dalam minggu pertama bulan September.

**v. PROGRAM TEKNIKAL DRONE OPERATIONS & DATA SERVICES (DRONE) DAN ELECTRIFIED AUTOMATION ADVANCEMENT PROGRAMME (EAAP)**

- a. Program yang melibatkan dana sebanyak RM2,875 juta untuk EAAP dan RM1,483 juta untuk Drone.
- b. Sebanyak 248 permohonan untuk program Teknikal *Drone Operations & Data Services* (DOD) telah diterima dan permohonan telah ditutup pada 30 Ogos 2023.
- c. Sebanyak 291 permohonan untuk *Electrified Automation Advancement Program* (EAAP) telah diterima dan permohonan telah ditutup pada 30 Ogos 2023.
- d. Semua permohonan tersebut akan disaring berdasarkan kelayakan dan peserta yang layak akan dimaklumkan dan mula menjalani latihan pada hujung bulan September 2023.

**vi. PROGRAM LICENSED AIRCRAFT MAINTENANCE TECHNICIANS - LAMT (CAAM PART 66 CATEGORY A1/A3)**

- a. Program yang melibatkan dana sebanyak RM6 juta.
- b. Sebanyak 112 permohonan telah diterima sehingga 30 Ogos 2023 dan permohonan telah ditutup pada 30 Ogos 2023.
- c. Semua permohonan tersebut akan disaring berdasarkan kelayakan dan peserta yang layak akan dimaklumkan kemudian. Latihan akan bermula pada hujung bulan September 2023.

**vii. PROGRAM BANTUAN KOMPUTER RIBA (*REFURBISHED*)**

- a. Program yang melibatkan dana sebanyak RM3 juta.
- b. Penghantaran 6,000 unit komputer riba *refurbished* akan bermula pada bulan September secara berperingkat kepada 525 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

**viii. PERMOHONAN GERAN KEWANGAN MITRA**

- a. Program yang melibatkan dana sebanyak RM30 juta.
- b. Sebanyak 2,374 permohonan telah diterima. Daripada jumlah tersebut, 1,507 permohonan telah disaring dan 867 permohonan masih dalam proses semakan.
- c. Proses saringan dan pembentangan oleh Organisasi sedang berjalan dan dijangka tamat secara keseluruhannya pada penghujung bulan September 2023.

**-TAMAT-**

**YB. DATO' RAMANAN RAMAKRISHNAN  
AHLI PARLIMEN SUNGAI BULOH MERANGKAP  
PENGERUSI JAWATANKUASA PASUKAN PETUGAS KHAS (JPPK)  
UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA  
JABATAN PERDANA MENTERI  
01 SEPTEMBER 2023**